



Manuscript Title: “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Jukka Mikkonen: Satu Pengenalan Terhadap Kesusasteraan Melayu Moden

Author(s): Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd Zariat Abdul Rani & Salmah Jan Noor
Muhammad

Accepted Date: 07-March-2021

Please cite this article as: Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd Zariat Abdul Rani and Salmah Jan Noor Muhammad. 2021. “Moderate propositional theory of literary truth” oleh Jukka Mikkonen: Satu pengenalan terhadap kesusasteraan Melayu moden. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

**“MODERATE PROPOSITIONAL THEORY OF LITERARY TRUTH”
OLEH JUKKA MIKKONEN: SATU PENGENALAN TERHADAP
KESUSASTERAAN MELAYU MODEN**

***“MODERATE PROPOSITIONAL THEORY OF LITERARY TRUTH” BY
JUKKA MIKKONEN: AN INTRODUCTION TO MODERN MALAY
LITERATURE***

**Nudra Shafini Halis Azhan*, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan
Noor Muhammad**

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: nudraazhan@gmail.com

ABSTRACT

This study stems from a literature review that discovers main ideas of “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” has been discussed and applied to multiple fields of study using various languages including Portuguese, Russian, Finnish and English. This invites a study to discuss main ideas of the model in Malay literature using Malay language. This article outlines two objectives. First, to relate the main ideas in the model of “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” with Malay literary works. Second, to sum the main ideas of “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” by Jukka Mikkonen. The results of the analysis found that “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” presents three ways for philosophy to be conveyed through fiction, which are Literary Assertions (Pernyataan Sastera), Literary Suggestions (Pegangan Sastera) and Literary Hypotheses (Hipotesis Sastera). An analysis of the relationship between the Literary Assertions and Pujangga Melayu by Mohd. Affandi Hassan, Literary Suggestions and Salina by A. Samad Said and Literary Hypotheses and Di Negeri Belalang by Anwar Ridhwan found that the three ways of conveying philosophy offer different features and aspects in shaping what is called as “philosophical fiction”.

Key words: Moderate Propositional Theory of Literary Truth, Philosophical Fiction, Jukka Mikkonen

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2021. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang mendapati idea-idea utama model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” mengenai penyampaian falsafah melalui karya fiksiyen telah dibahaskan dan diterapkan dalam pelbagai bidang seperti sosiobudaya, multimedia dan media, selain kesusasteraan. Lebih menarik lagi ialah perbahasan dan penerapan ini dilakukan dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa Portugis, bahasa Rusia, bahasa Finland dan bahasa Inggeris. Hakikat ini menarik perhatian untuk membincangkan idea-idea utama model tersebut dalam sastera Melayu dengan menggunakan bahasa Melayu. Artikel ini menggariskan dua objektif. Pertama, menghubungkan model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” dengan karya-karya sastera Melayu. Kedua, merumuskan idea-idea utama dalam model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Jukka Mikkonen. Hasil analisis mendapati “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” menampilkan tiga cara untuk falsafah disampaikan melalui fiksiyen iaitu Pernyataan Sastera, Pegangan Sastera dan Hipotesis Sastera. Analisis ke atas hubungan kait antara Pernyataan Sastera dengan Pujangga Melayu karya Mohd. Affandi Hassan, Pegangan Sastera dengan Salina karya A. Samad Said dan Hipotesis Sastera dengan Di Negeri Belalang karya Anwar Ridhwan mendapati ketiga-tiga cara penyampaian falsafah menawarkan ciri dan aspek berbeza dalam membentuk apa yang dipanggil sebagai “fiksiyen falsafah”.

Kata Kunci: “Moderate Propositional Theory of Literary Truth”, Fiksiyen Falsafah, Jukka Mikkonen

PENGENALAN

Dalam bidang pengkajian sastera, fiksiyen merupakan salah satu daripada genre yang dianggap penting. Hal ini kerana karya sastera seperti novel, cerpen dan drama tergolong dalam genre sastera yang berasaskan fiksiyen. Dari segi bahasa, “fiksiyen” rata-ratanya difahami sebagai karya rekaan yang terhasil daripada imaginasi dan disampaikan melalui watak serta peristiwa dalam bentuk sebuah cerita (Collins 2010, 439; Cambridge 2001, 515; Oxford 1991, 872). Dalam perkembangan semasa bidang kesusasteraan, Jukka Mikkonen¹ telah membahaskan secara lebih sistematik soal pemanfaatan fiksiyen untuk menyampaikan falsafah melalui bukunya bertajuk *The Cognitive Value of Philosophical Fiction* (2013). Pada dasarnya, Mikkonen memperakukan keupayaan fiksiyen sebagai wadah untuk menyampaikan falsafah, sebagaimana yang jelas pada konsep “Fiksiyen Falsafah” (*Philosophical Fiction*) yang

diajukannya. Secara amnya, “Fiksyen Falsafah” merujuk kepada “falsafah yang disampaikan sama ada secara tersurat atau tersirat melalui karya fiksyen atau sastera” sebagaimana katanya, “By **philosophy through literature**, in turn, I mean literary works that convey explicit or implicit philosophical points” [penekanan ditambah] (Mikkonen 2013, 8). Berasaskan pemahaman ini, Mikkonen mengemukakan apa yang diungkapkannya sebagai “Moderate Propositional Theory of Literary Truth”, iaitu sebuah model yang dibangunkan untuk mengenal pasti cara yang digunakan oleh pengarang kreatif dalam menyampaikan falsafah melalui karya fiksyen mereka. Adalah jelas bahawa sebagai sebuah model, “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” sehingga kini telah mendapat perhatian yang memberansangkan daripada para sarjana dan pengkaji.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebagaimana yang akan dibincangkan dalam subjudul Sorotan Literatur, idea-idea Mikkonen khususnya model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” telah mendapat perhatian yang luas serta merentasi sempadan tradisi sastera dalam bahasa yang berbeza. Antaranya, tradisi sastera Rom klasik, Perancis, Inggeris, Amerika dan Afrika Selatan, yang dibincangkan pula dalam beberapa bahasa seperti Inggeris, Rusia, Portugis dan Finland. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum ada kajian ilmiah yang membicarakan idea-idea Mikkonen dalam bahasa Melayu, dan dalam konteks tradisi sastera Melayu. Justeru, artikel ini mengajukan tentang perlunya untuk diusahakan satu perbincangan ilmiah tentang model Mikkonen dalam bahasa Melayu, dengan mengemukakan contoh-contoh daripada karya-karya sastera Melayu. Usaha ini penting bagi memperkenalkan model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Mikkonen kepada khalayak sastera Melayu (*Malay literary readership*), untuk kemungkinan dimanfaatkan dalam pengkajian teks sastera Melayu. Selain itu, kajian ini juga penting diusahakan bagi memperkayakan lagi korpus kesarjanaan dalam bahasa Melayu tentang pemanfaatan karya fiksyen untuk menyampaikan falsafah atau pemikiran ilmiah. Justeru, perbincangan tentang model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Mikkonen ini dapat menawarkan perspektif yang berbeza. Dengan kepentingan di atas, kajian ini diusahakan dalam bahasa Melayu bagi membincangkan idea-idea utama Mikkonen dalam model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth”, dengan menjadikan karya-karya sastera Melayu sebagai contoh bagi memperjelaskan model tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan dua objektif. Pertama, menghubungkan model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” dengan karya-karya sastra Melayu. Kedua, merumuskan idea-idea utama dalam model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Jukka Mikkonen.

SOROTAN LITERATUR

Subjudul ini menyoroti kajian-kajian ilmiah sedia ada terhadap idea-idea utama Mikkonen termasuk model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth”. Sorotan awal mendapati bahawa idea-idea Mikkonen telah mendapat perhatian yang luas daripada sarjana dan pengkaji bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan, tetapi juga bidang sosiobudaya, media dan multimedia. Dalam bidang sosiobudaya, kajian oleh Robert Kirstein bertajuk “Violence In An Erotic Landscape: Catullus, Caesar, and The Borders of Empire and Existence (*carm. 11*)” (2017) memanfaatkan pandangan Mikkonen tentang “kesatuan dua bidang” (*unity argument*) dalam usahanya untuk merungkaikan persoalan sosiologikal berkaitan keganasan (*violence*) melalui analisis teks sastra. Begitu juga kajian Aila Niemala yang ditulis dalam bahasa Finland bertajuk “Työnohjaus monikulttuuriosaamisen edistäjänä” (*Promoting Cross-Cultural Competence by Professional Supervision*) (2019). Niemala berpendapat bahawa idea Mikkonen tentang fiksyen falsafah dapat membantunya bagi memahami falsafah silang-budaya (*cross-cultural philosophy*). Lebih menarik lagi ialah artikel Veli-Matti Karhulahti berjudul “Defining The Videogame” (2015) yang memberikan kredit kepada Mikkonen atas pandangannya yang memperakukan “dialog ala Socrates” (*Socratic dialogue*) sebagai salah satu cara penulisan ilmiah, dan dimanfaatkan untuk menyampaikan falsafah melalui fiksyen. Apa yang menarik ialah apabila artikel Karhulahti ditulis dengan cara “dialog ala Socrates” bagi membincangkan tentang pentakrifan semula permainan video dalam bidang multimedia.

Lebih relevan dengan fokus kajian ini ialah artikel ilmiah dalam bidang kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa Portugis dan Rusia, selain sebahagian besarnya dalam bahasa Inggeris. Kajian Fernando de Assis Rodrigues dalam bahasa Portugis bertajuk “Ficção Científica E Realidade Da Coleta De Dados Em Redes Sociais Online: Análise De Um Episódio Do Seriado Black Mirror” (*Scientific Fiction and Reality of Data Collection in Online Social Networks: Analysis of an Episode of the Black Mirror Series*) (2019), memanfaatkan pandangan Mikkonen tentang pentingnya peranan imaginasi dalam penghasilan karya fiksyen untuk menyampaikan falsafah. Zhilevich O. F. (2014) dan Nikulina

Alla Konstantinovna (2014) yang kedua-duanya menulis dalam bahasa Rusia, memanfaatkan idea utama Mikkonen mengenai pembezaan dua maksud “falsafah”; pertama merujuk kepada karya akademik yang membincangkan falsafah (*work of philosophy*), dan kedua merujuk kepada karya fiksi yang mengandungi unsur-unsur falsafah (*philosophical work*). Dalam konteks ini, Zhilevich (2014) menerapkan pembezaan maksud “falsafah” menurut Mikkonen untuk meneliti novel oleh Iris Murdoch dan Michel Tournier. Manakala, Konstantinovna (2014) pula menerapkan pembezaan maksud “falsafah” tersebut untuk meneliti novel oleh Thornton Wilder.

Seterusnya ialah kajian-kajian dalam bahasa Inggeris yang meliputi pelbagai aspek dalam kesusasteraan. Antaranya, kajian Camelia Gradinaru bertajuk “Philosophy, Literature and The Faith of The Ironist” (2015) yang memetik maksud “falsafah” menurut Mikkonen bagi membicarakan novel *Soumission* oleh Michel Houellebecq, seorang novelis Perancis kontemporari. Gilbert Plumer (2017), Kalle Puolakka (2019) serta Arthur Cools & Leen Verheyen (2019) pula mengajukan pandangan Mikkonen sebagai pandangan terkini berkaitan hubungan antara falsafah dengan fiksi. Kajian oleh Emily Holman (2016), John Gibson (2015 & 2018), Mario Farina (2019 & 2020) dan Chelsea May Vowel (2020) antaranya mengutip pandangan Mikkonen berkenaan aspek penyampaian falsafah melalui karya fiksi. Kajian oleh Roger Maioli (2015) dan Tilman Koppe & Julia Langkau (2017) pula memetik pandangan Mikkonen tentang karya fiksi yang dianggap sebagai sumber pengetahuan yang sah. Adalah jelas bahawa kajian-kajian dalam bidang kesusasteraan di atas telah memanfaatkan idea-idea Mikkonen termasuk model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” bagi merungkaikan persoalan tentang fiksi dan falsafah.

Merujuk kajian-kajian di atas, terdapat sejumlah kajian yang memanfaatkan idea-idea Mikkonen bagi meneliti karya-karya fiksi daripada pelbagai tradisi sastera, antaranya Rom klasik, Perancis, Inggeris, Amerika dan Afrika Selatan. Kajian Holman (2016) dan Zhilevich (2018) umpamanya, memanfaatkan idea Mikkonen bagi mengkaji kritikan sastera oleh F. R. Leavis dan novel Inggeris karya Iris Murdoch. Begitu juga kajian Konstantinovna (2014) yang memetik idea Mikkonen bagi mengkaji novel Thornton Wilder, seorang penulis Amerika. Kajian Gradinaru (2015) dan Zhilevich (2018), masing-masing mengutip pandangan Mikkonen untuk mengkaji novel-novel Perancis karya Michel Houellebecq dan Michel Tournier. Kajian Dmitriu (2018) pula memanfaatkan pandangan Mikkonen untuk menganalisis novel karya J. M. Coetzee, seorang penulis asal Afrika Selatan. Tidak terkecuali ialah kajian Kirstein (2017) yang memanfaatkan pandangan Mikkonen bagi mengamati puisi karangan Catullus, seorang penyair Rom klasik yang mahsyur.

MODEL "MODERATE PROPOSITIONAL THEORY OF LITERARY TRUTH" OLEH MIKKONEN: SATU KERANGKA ANALISIS

Pada dasarnya, model "Moderate Propositional Theory of Literary Truth" ini tertegak di atas prinsip bahawa karya fiksi mampu menjadi wadah untuk menyampaikan falsafah. Bagi memudahkan pemahaman, penting dijelaskan terlebih dahulu tentang definisi operasional bagi tiga istilah kunci yang mendasari model tersebut, iaitu "fiksi", "falsafah" dan "fiksi falsafah". Merujuk kepada "fiksi", Mikkonen mentakrifkannya sebagai karya sastra yang berasaskan imaginasi seperti novel dan cerpen. Manakala, "falsafah" pula ditakrifkannya sebagai satu kegiatan umum termasuk penulisan fiksi, yang membicarakan secara sistematik tentang aspek-aspek fundamental berkaitan kehidupan seperti soal kewujudan manusia, ilmu pengetahuan dan nilai (Mikkonen 2013, 7). Dengan takrifan di atas, "fiksi falsafah" pula ditakrifkan oleh Mikkonen sebagai karya fiksi yang menyampaikan falsafah berkaitan kewujudan manusia, ilmu pengetahuan atau nilai. Sehubungan itu, Mikkonen menggariskan tiga cara falsafah disampaikan melalui fiksi, iaitu "Pernyataan Sastra" (*Literary Assertion*), "Pegangan Sastra" (*Literary Suggestion*) dan "Hipotesis Sastra" (*Literary Hypothesis*). Bahagian seterusnya akan menghuraikan cara-cara tersebut.

Pernyataan Sastra (*Literary Assertion*)

Mikkonen menjelaskan bahawa "Pernyataan Sastra" merupakan satu cara yang membolehkan falsafah disampaikan melalui sesebuah karya fiksi. Cara ini dicirikan antaranya oleh penyampaian falsafah secara Eksplisit bagi membolehkan kebenaran sesebuah falsafah dapat dipertahankan meskipun disampaikan melalui karya fiksi, sebagaimana katanya, "By 'explicit' assertion, I mean assertions, which are clearly conveyed by certain fictional propositions or utterances in the work and are put forward using a fictional character" (Mikkonen 2013, 165).

Selain itu ialah soal Kepadatan Makna (*Semantically Dense*) yang merujuk kepada kebenaran falsafah yang disampaikan. Dalam konteks ini, kebenaran falsafah berada pada dua tahap, iaitu benar pada tahap realiti pengarang dan benar pada tahap dunia fiktif sesebuah karya fiksi. Dengan kata lain, falsafah yang disampaikan itu dapat mewakili pengarang dan pada masa yang sama mewakili watak fiktif yang menyampaikan falsafah dalam sesebuah karya fiksi. Dalam konteks ini juga, hanya aspek cerita seperti watak, peristiwa, latar tempat dan lain-lain sahaja yang bersifat fiktif atau rekaan, manakala falsafah yang disampaikannya itu adalah benar, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mikkonen dalam kutipan berikut, "...it is not problematic to consider assertions in fiction to

be uttered using the fictive mode of utterance, asserted by a fictional character and perhaps embodying fictional elements, such as characters, events and places. Rather, the theory maintains, **the actual author uses the ‘fictional voice’ to make assertions of reality**” [Penekanan ditambah] (Mikkonen 2013, 53). Dengan kata lain, kebenaran falsafah terpelihara meskipun wadah penyampaiannya merupakan cerita yang direka oleh pengarang.

Daripada ciri-ciri Pernyataan Sastera di atas, Mikkonen seterusnya mengenal pasti beberapa alat sastera (*literary devices*) yang lazimnya digunakan oleh pengarang. Antaranya ialah apa yang dikenal pasti oleh Mikkonen sebagai Wacana Eksplisit (*Explicit Discourse*) iaitu perbincangan ilmiah yang dilakukan secara sistematik, dilengkapi huraian, penangkisan, pemantapan hujah dan kesimpulan yang jelas untuk menyampaikan falsafah. Kedua ialah “Ulasan” (*Commentary*) iaitu karangan yang dikarang secara tersusun dan bertujuan untuk memberi penjelasan, komen atau anotasi lanjut terhadap sesebuah teks atau karya sastera.

Pegangan Sastera (*Literary Suggestion*)

Seterusnya, Mikkonen menjelaskan bahawa “Pegangan Sastera” pula merupakan satu cara yang membolehkan falsafah disampaikan secara Implisit dan menuntut kepada tafsiran pembaca. Bagi mentafsirkan falsafah yang disampaikan melalui cara Pegangan Sastera, Mikkonen telah mengenal pasti “Niat Kepengarangan” (*Authorial Intention*) sebagai aspek yang perlu dipertimbangkan. Apa yang dimaksudkan dengan Niat Kepengarangan ialah niat asal pengarang ketika menghasilkan sesebuah karya fiksiyen, sebagaimana kata Mikkonen, “I therefore argue that a literary suggestion *has to be intended by the author.*” [Huruf condong seperti asal] (Mikkonen 2013, 80). Walau bagaimanapun, Mikkonen menjelaskan bahawa pengetahuan tentang Niat Kepengarangan sahaja tidak memadai bagi memahami falsafah yang disampaikan dalam karya fiksiyen. Oleh itu, Mikkonen (2013, 81) mengenal pasti satu lagi aspek iaitu “Konvensi Sastera Boleh-Tafsir” (*Literary Interpretative Convention*) yang merangkumi hal-hal berkaitan sejarah dan tradisi sastera, pemahaman khalayak sastera dan ideologi yang dominan khususnya ideologi pengarang, riwayat hidup pengarang dan kepengarangannya.

Hipotesis Sastera (*Literary Hypotheses*)

Perbincangan kini beralih kepada Hipotesis Sastera, iaitu satu lagi cara penyampaian falsafah melalui karya fiksiyen. Berbeza dengan Pernyataan Sastera dan Pegangan Sastera yang menyampaikan sesebuah falsafah yang telah jelas (*philosophy that has worked out*), Hipotesis Sastera merupakan cara untuk

menyampaikan “Falsafah Tidak Jelas” (*philosophy that has not yet completely worked out*). Justeru, istilah “hipotesis” yang bermaksud “andaian yang belum dibuktikan sebagai benar”, adalah merujuk kepada falsafah tidak jelas dalam karya fiksi. Sehubungan itu, “Falsafah Tidak Jelas” yang menjadi ciri Hipotesis Sastera ini hampir menyerupai ciri Pegangan Sastera, iaitu dari segi penyampaiannya yang bersifat Implisit/tidak jelas, dan justeru mengundang tafsiran pembaca. Walau bagaimanapun, apa yang membezakan antara kedua-dua cara ini ialah kawalan terhadap tafsiran pembaca. Pegangan Sastera mengawal tafsiran pembaca, antaranya dengan mengikat makna falsafah pada Niat Kepengarangan dan Konvensi Sastera Boleh-Tafsir. Manakala, Hipotesis Sastera pula meletakkan sepenuhnya tafsiran makna kepada pembaca, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mikkonen dalam kutipan berikut, “However, unlike the acts of asserting [Pernyataan Sastera] and suggesting [Pegangan Sastera], contemplating [Hipotesis Sastera] is **not that much connected to the author’s meaning-intention**; instead, it is interaction in which **the author prompts the reader to ponder** an issue treated in the work” [penekanan ditambah] (Mikkonen 2013, 93). Hal ini bererti, Hipotesis Sastera memberikan autoriti sepenuhnya kepada pembaca untuk mentafsir makna falsafah dalam karya fiksi. Dalam erti kata lain, Hipotesis Sastera melibatkan pembaca secara aktif, iaitu pembaca diberikan kebebasan untuk mentafsir “Falsafah Tidak Jelas” yang disampaikan melalui karya fiksi. Pada tahap ini, dapat dikatakan bahawa Hipotesis Sastera merujuk kepada penyampaian Falsafah Tidak Jelas, dan makna falsafah diserahkan sepenuhnya menurut tafsiran pembaca (Mikkonen 2013, 93).

Perbincangan di atas dapat merumuskan bahawa terdapat tiga cara falsafah disampaikan menurut model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” oleh Mikkonen iaitu Pernyataan Sastera (*Literary Assertion*), Pegangan Sastera (*Literary Suggestion*) dan Hipotesis Sastera (*Literary Hypotheses*). Bahagian seterusnya akan menerapkan ketiga-tiga cara tersebut dengan menjadikan karya sastera Melayu sebagai contoh dan bahan kajian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

“Pernyataan Sastera” (*Literary Assertion*)

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian kerangka analisis, “Pernyataan Sastera” direalisasikan antaranya melalui “Wacana Eksplisit” (*Explicit Discourse*) dan “Ulasan” (*Commentary*). Bagi menjelaskan soal ciri-ciri dan penggunaan alat-alat sastera di atas, perbincangan selanjutnya akan mengemukakan contoh daripada karya sastera Melayu iaitu novel *Pujangga*

Melayu (1997) karya Mohd. Affandi Hassan. Dalam *Pujangga Melayu*, Mohd. Affandi mengutarakan gagasan Persuratan Baru iaitu sebuah pemikiran yang berusaha untuk mengembalikan tradisi persuratan Islam dalam kegiatan sastra Melayu masa kini. Persuratan Baru dikonsepsikan berdasarkan pandangan-hidup Islam yang berteraskan ajaran Tauhid dan menerapkan falsafah Taklif yang memperakukan kebertanggungjawaban manusia kepada Penciptanya, Allah SWT. Dengan falsafah Taklif, kegiatan sastra dianggap sebagai satu ibadah manusia kepada Allah SWT. Penting dijelaskan bahawa Mohd. Affandi telah menjelaskan tentang falsafah Taklif menerusi beberapa buah bukunya (Mohd. Affandi 2008; 2010; 2014). Lebih penting dalam konteks model Mikkonen ini ialah apabila Mohd. Affandi turut memanfaatkan novel *Pujangga Melayu* yang merupakan sebuah karya kreatif, bagi menyampaikan falsafah Taklif yang mendasari gagasan Persuratan Baru (Mohd. Zariat 2008, 196). Dalam hal ini, Mohd. Affandi turut menggunakan apa yang dikenal pasti oleh Mikkonen sebagai “Wacana Eksplisit” bagi mengupas dan menghuraikan falsafah Taklif dalam novel *Pujangga Melayu*, sebagaimana yang jelas dalam petikan di bawah:

Teori persuratan yang saya kemukakan itu menjadikan konsep taklif sebagai asasnya, kerana itu dalam teori itu, manusia penulis mengarang kerana dia ingin “kembali menjadi manusia”, yang bererti dia sedar akan hakikat kejadiannya, yang juga bererti dia sedar akan dua tugas utamanya, sebagai hamba Allah, dan sebagai khalifah di bumi. Ini yang *fundamental*, yang asasi, yang hakiki. Oleh itu, jika dia menulis, dia tidak akan cuba menjadi seorang penderhaka kepada Allah Taala dan penderhaka kepada manusia, yang bermakna dia tidak akan menulis tentang sesuatu yang melanggar janji-janji taklifnya (Mohd. Affandi 1997, 400).

Wacana Eksplisit tentang falsafah Taklif di atas hadir dalam novel *Pujangga Melayu* sebagai dialog panjang yang dilafazkan melalui watak Profesor Awang. Dengan kata lain, falsafah Taklif yang dihuraikan dalam bentuk Wacana Eksplisit itu dihadirkan dalam konteks sebuah cerita yang dapat mewajarkan penyampaian falsafah tersebut. Merujuk novel *Pujangga Melayu*, aspek Wacana Eksplisit terlihat dengan jelas apabila penghuraian falsafah Taklif dihadirkan dalam konteks cerita ketika Profesor Awang menghadiri majlis bersama sasterawan, dan dipilih sebagai salah seorang ahli forum. Menerusi forum tersebut, Profesor Awang diceritakan mengambil peluang untuk menghuraikan falsafah Taklif dengan panjang dan sistematik sehingga membina apa yang disebut oleh Mikkonen sebagai Wacana Eksplisit.

Seperti yang telah dijelaskan juga, Pernyataan Sastra menurut Mikkonen turut dicirikan oleh Kepadatan Makna yang merujuk kepada kebenaran falsafah yang

disampaikan. Kebenaran falsafah ini pula beroperasi pada dua tahap iaitu, tahap realiti pengarang dan tahap dunia fiktif karya fiksyen. Dengan menerapkan aspek Kepadatan Makna ini, falsafah Taklif dalam novel *Pujangga Melayu* dapat dikenal pasti. Hal ini kerana “kebenaran” penyampaian falsafah Taklif dalam *Pujangga Melayu* juga beroperasi pada dua tahap. Pertama, tahap realiti Mohd. Affandi sebagai pengarang *Pujangga Melayu* yang dalam dunia nyata meyakini falsafah Taklif serta telah menyampaikannya dalam tulisan-tulisan ilmiah beliau. Kedua ialah tahap dunia fiktif *Pujangga Melayu* yang diwakili Profesor Awang sebagai protagonis yang meyakini falsafah Taklif dan menjelaskannya kepada watak-watak lain dalam novel. Dalam konteks inilah, penyampaian falsafah Taklif dalam novel *Pujangga Melayu* menepati aspek Kepadatan Makna yang dijelaskan oleh Mikkonen.

Selain itu, Mohd. Affandi turut menggunakan apa yang dikenal pasti oleh Mikkonen sebagai “Ulasan” bagi memberi penjelasan, komen atau anotasi lanjut tentang falsafah Taklif. Dalam *Pujangga Melayu*, Ulasan antaranya hadir ketika novel menghuraikan falsafah Taklif melalui serangkap haiku, iaitu sejenis puisi tiga baris yang terkenal dalam tradisi sastera Jepun, seperti berikut: “Tupai berlari / Jernih air mengalir / Ayah dan anak terkejut”. Hal ini jelas apabila novel mengulas baris “Tupai berlari” sebagai satu kejadian biasa dalam kehidupan, manakala, baris “Jernih air mengalir” diulas sebagai gambaran kepada kesucian dan kebersihan. Ulasan yang diberikan terhadap dua baris awal haiku di atas menjelaskan tentang fitrah kehidupan yang suci dan bersih, yang kemudiannya dikaitkan dengan manusia itu sendiri melalui baris terakhir haiku yang berbunyi, “Ayah dan gadisnya terkejut”. Dengan menghadirkan Ulasan ini, novel berupaya menjelaskan maksud haiku iaitu tentang hakikat kejadian manusia yang suci dan bersih dan mengaitkannya dengan falsafah Taklif. Dengan itu, novel dengan sendirinya memperkukuhkan penjelasannya tentang falsafah Taklif yang mendasari gagasan Persuratan Baru, sebagaimana dalam petikan di bawah:

“Tupai berlari” – satu kejadian biasa, tapi itulah lambang kehidupan. Ada gerakan, ada sesuatu yang wujud dan hidup.
“Jernih air mengalir” – kehidupan itu asalnya jernih, bersih, seperti mata air dari celah-celah batu. Jernih dan bersih. Boleh diminum tanpa ragu-ragu. Air itu menghidupkan, tetapi air yang jernih dan bersih. “Ayah dan gadisnya terkejut” – itulah inti daripada perutusan karya kecil itu, sesuatu yang ada hubungannya dengan kita, manusia. Persuratan mempunyai konteks kemanusiaan, yang dilihat dari kebersihan makna hidup diri manusia yang ayah [Profesor Awang] sebutkan tadi. Makna dan keindahan – itulah yang dicari seorang pengarang. Tetapi Fatimah [anak Profesor Awang] mesti ingat, makna itu dan

keindahannya tidak diukur daripada nilai-nilai peribadi manusia, menurut kemahuannya sendiri. Kedua-dua diukur berdasarkan faham taklif dalam agama kita. Taklif atau *divine accountability and responsibility*. Makna dan keindahan itu dilihat daripada hakikat kejadian insan berasaskan taklif tadi, iaitu manusia itu mempunyai dua tugas besar. Pertama sebagai hamba Allah dan kedua sebagai khalifah di bumi (Mohd. Affandi 1997, 700-1).

Falsafah Taklif yang dihuraikan melalui Ulasan hadir dalam konteks cerita yang dapat mewajarkan penyampaiannya. Ulasan tentang falsafah Taklif melalui haiku hadir dalam konteks cerita ketika Profesor Awang sedang bersendirian sambil menikmati keindahan alam, dan kemudiannya didatangi anak perempuannya, Fatimah. Fatimah diceritakan bertanya tentang tujuan ayahnya menjadi pengarang. Sebelum Profesor Awang sempat menjawab soalan Fatimah, novel menyisipkan serangkap haiku oleh Profesor Awang yang mendapat ilham daripada lintasan dua ekor tupai di hadapan mereka. Sisipan haiku ini membolehkan novel untuk menghadirkan Ulasan tentang falsafah Taklif. Dengan mengemukakan contoh-contoh dalam novel *Pujangga Melayu* seperti di atas, perbincangan ini berusaha untuk menjelaskan tentang Wacana Eksplisit dan Ulasan yang diajukan oleh Mikkonen sebagai antara alat sastera dalam Pernyataan Sastera, yang merujuk kepada penyampaian falsafah secara eksplisit dalam sesebuah karya fiksiyen.

Pegangan Sastera (*Literary Suggestion*)

Perbincangan dalam bahagian kerangka analisis menjelaskan bahawa Pegangan Sastera direalisasikan antaranya melalui “Niat Kepengarangan” (*Authorial Intention*) dan “Konvensi Sastera Boleh-Tafsir” (*Literary Interpretative Convention*). Bagi menjelaskan lagi ciri dan aspek-aspek Pegangan Sastera menurut Mikkonen, perbincangan ini akan menjadikan sebuah novel Melayu berjudul *Salina* (1961) karya A. Samad Said sebagai contoh. Sebagaimana yang dijelaskan di atas, Pegangan Sastera merujuk kepada falsafah yang disampaikan secara Implisit (*implicit assertion*). Justeru, pemahaman tentang falsafah yang disampaikan dalam *Salina* menuntut kepada pentafsiran cerita dalam dunia fiktif yang direka oleh A. Samad Said. Antara aspek penting dalam pentafsiran cerita ialah Niat Kepengarangan iaitu niat pengarang ketika menghasilkan karya fiksiyennya. Dalam konteks novel *Salina*, Niat Kepengarangan ini antaranya dapat diketahui dengan merujuk tulisan A. Samad Said sendiri berkaitan proses kreatifnya yang berjudul *Dari Salina ke Langit Petang* (1979). Merujuk kepada Niat Kepengarangan, A. Samad Said dalam buku ini antaranya menceritakan tentang niat asal (idea) beliau menulis novel *Salina*, sebagaimana petikan berikut:

Saya selalu berbincang lanjut tentang novel ini [*Salina*] dengan A.S. Amin ketika kami minum kopi sarbat di Owen Road, betul-betul di hadapan sebuah hotel yang 'laris'. Saya tunjukkan seorang wanita yang 'laris', dan memberitahu A.S. Amin: **itulah jenis manusia yang ingin aku rakamkan**, seorang yang terpaksa menjual maruahnya kerana desakan yang tidak akan kita tahu" [Penekanan ditambah] (A. Samad Said 1979, 53).

Pengakuan A. Samad Said di atas menjelaskan tentang "niat" (*Intention*) beliau sebagai "pengarang" (*Author*) yang secara sedar ingin menulis novel yang mengisahkan kisah cinta wanita yang terpaksa bekerja sebagai pelacur (disebutnya sebagai "wanita yang laris"). Ini bererti, watak pelacur yang "diniatkan" (*intended*) oleh A. Samad Said untuk menerajui cerita dalam novelnya merupakan watak pelacur yang baik, yang melacur bukan atas keinginan dirinya sendiri, sebaliknya disebabkan "desakan". Dapat dikatakan bahawa *Salina* bertitik tolak daripada Niat Kepengarangan A. Samad Said yang berhasrat untuk menceritakan kisah seorang pelacur yang baik, yang melacur bukan atas keinginan dirinya sendiri, sebaliknya disebabkan kegetiran hidup akibat perang.

Bertitik tolak daripada Niat Kepengarangan tersebut, *Salina* hadir dengan ceritanya yang mengisahkan kehidupan sebuah masyarakat yang hidup ketika Perang Dunia Kedua di sebuah kampung yang sangat daif di Singapura (dinamakan sebagai Kampung Kambing). Kampung Kambing ini menjadi *setting* bagi dunia fiktif yang diisi dengan kisah Siti Salina, seorang pelacur wanita yang digambarkan memiliki hati yang mulia. Kemuliaan hati ini antaranya dimanifestasikan pada pertolongan yang diberikan oleh Siti Salina, seperti membiayai persekolahan Hilmy dan membiayai perubatan untuk Katijah yang sakit. Novel menceritakan bahawa Perang Dunia Kedua turut meragut nyawa seluruh kaum keluarga Siti Salina termasuk Muhammad Yusuf (teman lelakinya yang budiman), selain dia sendiri diperkosa oleh sekumpulan tentera Jepun. Turut diceritakan ialah kegetiran hidup akibat perang terutamanya disebabkan wabak penyakit, tiada pekerjaan dan kekurangan makanan. Bagi meneruskan kehidupannya yang tinggal sebatang kara dalam keadaan hidup yang getir akibat perang, Siti Salina diceritakan tiada pilihan melainkan terpaksa melacurkan diri iaitu satu perbuatan yang bercanggah dengan nilai-nilai moral yang melingkungi masyarakatnya. Justeru, falsafah yang terjelma daripada cerita dalam novel *Salina* ialah "keadaan boleh memaksa seseorang menjadi jahat". Falsafah ini antaranya jelas digambarkan dalam cerita Hilmy bertelagah dengan Haji Karman kerana menuduh Siti Salina sebagai orang "yang paling bergelumang dengan dosa". Tuduhan Haji Karman itu mendorong Hilmy untuk menceritakan kisah hidup yang dilalui oleh Siti Salina sehingga memaksanya melacurkan diri (A.

Samad Said 2012, 216). Adalah jelas bahawa falsafah yang disampaikan dalam *Salina* iaitu “keadaan boleh memaksa manusia menjadi jahat”, adalah ditentukan oleh niat A. Samad Said untuk menceritakan kisah seorang pelacur yang baik, yang melacur bukan atas keinginan dirinya sendiri, tetapi disebabkan kegetiran hidup akibat perang. Niat A. Samad Said inilah yang disebut oleh Mikkonen sebagai Niat Kepengarangan yang menjadi aspek penting bagi penyampaian falsafah melalui karya fiksi dengan cara Pegangan Sastera.

Aspek penting lain dalam Pegangan Sastera ialah Konvensi Sastera Boleh-Tafsir yang merangkumi antaranya riwayat hidup pengarang dan kepengarangannya. Dalam konteks novel *Salina*, Konvensi Sastera Boleh-Tafsir antaranya dapat diketahui dengan meneliti riwayat hidup dan kepengarangan termasuk ideologi sastera yang menjadi pegangan A. Samad Said. Seperti yang telah dinyatakan, falsafah yang terjelma daripada novel *Salina* ialah “keadaan boleh memaksa seseorang menjadi jahat”. Falsafah ini ada kaitannya dengan riwayat hidup A. Samad Said yang dibesarkan di Singapura ketika meletusnya Perang Dunia Kedua. Ketika berusia sekitar lima tahun, A. Samad Said diceritakan tinggal di Victoria Street yang dikatakan terkenal di Singapura sebagai “kawasan bobrok” (*red-light district*). Malah, A. Samad Said sendiri mengakui bahawa beliau berjiran dengan wanita yang bekerja sebagai pelacur yang kekal dalam ingatannya sebagai seorang yang baik kerana memberikan wang untuknya membeli buku dan ubat buat ibunya yang sedang sakit, sebagaimana yang dinyatakan dalam satu temu bual seperti berikut, “Kesungguhnya untuk belajar itu menyebabkan seorang pelacur yang menjadi jirannya bersimpati lalu membiayai persekolahan daripada belanja harian, yuran, pakaian dan peralatan sekolah (Meran Abu Bakar, 1995)” (Rahimah 1997, 29).

Pengakuan A. Samad Said di atas menjelaskan bahawa pengalaman hidup yang dilaluinya sendiri meyakinkan beliau bahawa “perbuatan jahat yang dilakukan oleh seseorang itu tidak menghakis sifat baik yang ada pada dirinya” dan justeru seseorang itu mempunyai sebab tertentu yang memaksanya untuk melakukan kejahatan, sebagaimana yang pernah ditulisnya sendiri:

Saya ingin kisahkan akibat perang terhadap seorang wanita muda, kendaknya, seorang ibu dan anaknya. Saya ingin menunjukkan bahawa perang merubah corak dan tabii hidup seseorang dari manusia yang murni berubah menjadi manusia yang terpaksa berlumpur, tapi – menurut idealisme saya – manusia masa itu tetap murni batinnya (A. Samad Said 1979, 43).

Terangkum dalam riwayat hidup dan kepengarangan ialah ideologi sastera yang menjadi pegangan pengarang. Pengakuan A. Samad Said tentang “kakak” yang hidup berjiran dengan beliau, turut menjelaskan bahawa cerita dalam *Salina* merakamkan pengalaman bersifat bobrok yang benar-benar terjadi dalam kehidupan peribadinya sendiri. Dengan kata lain, *Salina* diasaskan pada realiti bobrok (*sordid reality*) yang menjadi antara cebisan pengalaman hidup. Hakikat ini seiring dengan falsafah Realisme iaitu satu ideologi seni/sastera yang menuntut karya seni/sastera untuk dijadikan sebagai alat rakaman realiti pengalaman manusia yang bobrok, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Morris, “...realism as a literary form has been associated with an insistence that art cannot turn away from the **more sordid and harsh aspects of human existence**” [Penekanan ditambah] (Morris 2003, 3).

Hal ini tidak menghairankan kerana A. Samad Said sendiri mengaku bahawa beliau memang berpegang pada Realisme sebagai ideologi sastera (*literary ideology*) yang menurutnya mampu menyatakan kebenaran secara jelas, sebagaimana katanya, "Saya memilih realisme kerana aliran ini saya kira boleh berkomunikasi sebaiknya dengan masyarakat saya. Tanpa mengurangi erti dan harga gerakan simbolis atau absurdisme, saya kira keadaan masih membolehkan kita untuk tidak bertopeng-topeng" (A. Samad Said 1992, 55). Pengakuan A. Samad Said serta takrifan Realisme di atas berupaya menjelaskan satu perkara penting, iaitu bagaimana pegangan Realisme menjadikan A. Samad Said lebih tertarik untuk merakamkan “realiti bobrok” (*sordid reality*) melalui paparan kisah seorang pelacur wanita yang diamatinya sendiri di Owen Road. Adalah jelas bahawa riwayat hidup dan kepengarangan termasuk ideologi pengarang dapat membantu dalam memahami falsafah yang disampaikan melalui sesebuah karya fiksi. Riwayat hidup dan kepengarangan serta ideologi pengarang inilah yang disebut oleh Mikkonen sebagai Konvensi Sastera Boleh-Tafsir yang menjadi antara aspek kepada Pegangan Sastera. Dengan mengemukakan contoh-contoh dalam novel *Salina* seperti di atas, perbincangan ini berusaha untuk menjelaskan tentang Niat Kepengarangan dan Konvensi Sastera Boleh-Tafsir yang diajukan oleh Mikkonen sebagai antara aspek dalam Pegangan Sastera, yang merujuk kepada penyampaian falsafah secara tersirat atau implisit melalui cerita yang dipaparkan dalam sesebuah karya fiksi.

Hipotesis Sastera (*Literary Hypotheses*)

Dalam bahagian kerangka analisis, perbincangan ini menjelaskan bahawa Hipotesis Sastera direalisasikan antaranya melalui “Falsafah Tidak Jelas” dan meletakkan sepenuhnya tafsiran makna kepada pembaca. Bagi menjelaskan ciri Hipotesis Sastera menurut Mikkonen, perbincangan ini akan menjadikan sebuah karya sastera Melayu iaitu novelet *Di Negeri Belalang* (1989) karya Anwar

Ridhwan sebagai contoh. *Di Negeri Belalang* merupakan karya yang menghadirkan sejumlah imej, lambang dan bauran ambiguiti, sebagaimana yang diakui oleh Anwar Ridhwan sendiri dalam sebuah temu bual (Ahmad Kamal 1993, 47). Justeru, penggunaan imej, lambang dan bauran ambiguiti ini dengan sendirinya menjadikan *Di Negeri Belalang* sebagai sebuah novelet yang secara sedar dinukil bagi memberikan kesan yang tidak jelas. Dalam konteks model yang diajukan oleh Mikkonen, perakuan Anwar Ridhwan dalam temu bual tersebut juga menyerlahkan “Falsafah Tidak Jelas” dalam *Di Negeri Belalang*, terutamanya pada ungkapan “...kesan bahawa hidup ini misterius dan kadangkadangkang akan menemui jalan buntunya”. Lebih penting lagi, perakuan ini diperkukuhkan dengan “*blurb*” *Di Negeri Belalang* yang menyerahkan tafsiran makna falsafah dalam novelet tersebut kepada pembaca, sebagaimana yang dikutip seperti di bawah:

Mbingungkan? Memang itulah antara ciri karya kreatif pengarang novelet ini [*Di Negeri Belalang*], yang **mahu mengajak pembaca ikut aktif mengambil bahagian dalam menafsir wawasannya, ambiguitinya dan pandangan dunianya** [Penekanan ditambah] (Anwar Ridhwan 1989).

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, antara aspek penting dalam Hipotesis Sastera ini ialah tafsiran makna oleh pembaca. Dengan menganggap tiadanya falsafah yang jelas dalam novelet ini, selain teknik penceritaan yang *ambiguous*, dapat dikatakan bahawa Anwar Ridhwan sebagai pengarang memberikan sepenuhnya autoriti kepada pembaca untuk mentafsir *Di Negeri Belalang*. Sehingga kini, *Di Negeri Belalang* telah pun menarik perhatian sejumlah pengkaji yang membaca teks tersebut dari pelbagai teori dan perspektif (S. Othman Kelantan 1991, Hajijah Jais 2004, Mawar Shafei 2010, Nur Fatih Fadila Abu Bakar 2014). Hal ini dengan sendirinya mengundang tafsiran yang pelbagai mengenai makna yang terkandung dalam *Di Negeri Belalang*, sebagaimana yang jelas dialu-alukan oleh *blurbnya* sendiri.

Di Negeri Belalang memulakan ceritanya dengan watak Saya bertemu watak Manto. Watak Saya diceritakan sebagai individu yang mulai berasa bosan dalam menghadapi rutin hariannya, manakala watak Manto pula diceritakan sebagai individu rawak yang mendatangi watak Saya dengan cerita-cerita aneh. Kehadiran watak Manto secara tiba-tiba serta kebolehannya meneroka dunia absurd telah menimbulkan beberapa tafsiran daripada pembaca. S. Othman (1991, 84) antaranya menganggap pertemuan kedua-dua watak ini sebagai imaginasi yang kompleks dan tidak terbatas. Manakala Nur Fatih (2014, 159) pula mentafsirkan Saya sebagai watak yang mengalami masalah kejiwaan, justeru watak Manto yang aneh dapat dihadirkan menerusi halusinasi watak Saya.

Selain cerita kedua-dua watak ini yang memulakan novelet, terdapat beberapa cerita lain yang turut mendapat perhatian pembaca/pengkaji. Cerita lain ini dibawakan oleh watak-watak sampingan dalam *Di Negeri Belalang*. Watak sampingan yang dimaksudkan ialah watak “Mata-Mata” dari cerpen berjudul “Jika Esok Tiba”, watak “Jali” dari cerpen berjudul “Sesudah Perang”, watak “Wanita Hiroshima” dari cerpen berjudul “Tik! Tik! Tik!” serta watak “Sally” dari cerpen berjudul “Dalam Kabus”, yang kesemuanya hasil nukilan Anwar Ridhwan. Anwar Ridhwan jelas menggunakan teknik “fiktif dalam fiktif” apabila watak Mata-Mata, Jali, Wanita Hiroshima dan Sally merupakan watak fiktif yang diceritakan oleh watak Manto. Lebih menjadikannya aneh apabila watak Manto menceritakan kepada watak Saya tentang pertemuan fizikalnya dengan keempat-empat watak fiktif tersebut (Anwar Ridhwan 1989, 6).

Keanehan ini antaranya dimanifestasikan pada cerita Mata-Mata yang dilahirkan tanpa perasaan. Tugasnya sebagai seorang “mata-mata” (polis) telah membuatnya menangkap dan mengurung seorang pemuda di rumah pasung (lokap) kerana mengoyakkan bendera. Watak Mata-Mata ini juga diceritakan sering melihat seorang tua yang menghidupkan pelita di sepanjang jalan pada setiap senja. Seorang tua ini pula bertindak membakar rumah pasung itu apabila Mata-Mata meninggalkannya setelah diceritakan “tiba-tiba mengenal dirinya sendiri”. Nur Fatiha (2014, 159) mentafsirkan keanehan cerita Mata-Mata ini bertujuan untuk mengejapkan jalan cerita yang “mengherot-benyotkan dunia realiti” (istilah Nur Fatiha sendiri). Mawar (2014, 147) pula mentafsir watak Mata-Mata, tindakan pemuda mengoyak bendera dan pembakaran rumah pasung, sebagai satu manifestasi terhadap semangat kebangsaan Tanah Melayu. Tafsiran Mawar ini dipengaruhi oleh deretan imej api, minyak, pelita dan rumah pasung yang dilihatnya saling berkait dalam membawa makna “bakar”. Lebih menarik dalam tafsiran Mawar ini ialah adanya ambiguiti terhadap makna “pembakaran” itu sendiri, iaitu sama ada merujuk kepada semangat kebangsaan masih terus bernyala atau semangat kebangsaan dimatikan. Dengan kata lain, ambiguiti makna dalam *Di Negeri Belalang* turut menyebabkan ambiguiti dalam tafsiran Mawar terhadap teks tersebut.

Selain itu, cerita Wanita Hiroshima juga dikatakan memanifestasikan keanehan apabila dia diceritakan melakukan seks rambang dengan “Lelaki Nevada” di sebuah taman sehingga disahkan hamil. Lebih menjadikan ceritanya tidak masuk akal ialah apabila kandungan tersebut dikatakan mengandungi bom. S. Othman (1991, 85) mentafsirkan bahawa hubungan yang terjalin antara lelaki Nevada dan wanita Hiroshima sehingga “menghamilkan” bom merupakan satu perlambangan terhadap penciptaan teknologi tinggi yang memudaratkan manusia. Tafsiran di atas turut disokong dengan fakta sejarah bahawa bom yang gugur di Hiroshima dan Nagasaki, terlebih dahulu diuji dan dijatuhkan di gurun Nevada. Mawar turut

mengajukan tafsiran serupa apabila menyatakan perlambangan kehamilan bom ini merupakan satu mesej bahawa negara Asia (Jepun) bangkit dengan teknologi tinggi selepas kemusnahan kedua-dua bandar tersebut.

Selanjutnya, Jali pula diceritakan sebagai anak yang dilahirkan oleh Masitah kerana diperkosa oleh seorang tentera Jepun. Jali diceritakan sebagai watak pintar sehingga dapat melanjutkan pengajian ke Tokyo dan menjadi antara pelajar terbaik. Apabila pengajiannya tamat, gurunya memujuk agar terus berada di Jepun. Jali diperkenalkan dengan Akio Morita, iaitu salah seorang pengasas jenama Sony. Walau bagaimanapun, sepanjang perkenalan dengan Akio Morita, Jali hanya disibukkan dengan memikirkan tentang penciptaan *prototype* mesin peramal nasib. Sebaik sahaja *prototype* tersebut siap, Jali “ditendang” keluar dengan diberikan pampasan yang lumayan. Novelet kemudiannya menceritakan Jali pulang ke tanah air dan membangunkan semula *prototype* sendiri di Kuala Lumpur. Watak Jali ini menerima tafsiran paling banyak oleh para pengkaji. Antaranya, S. Othman (1991, 86) menyifatkan tindakan Jali membangunkan mesin peramal nasibnya sendiri, menjadikan dirinya sebagai penerima rasuah. Hal ini kerana ramalan yang dikemukakan oleh Jali bergantung kepada jumlah wang yang diterima daripada para pelanggannya. Hajijah (2006, 62) mentafsirkan kehadiran watak Jali dalam *Di Negeri Belalang* sebagai satu sindiran terhadap teknologi tinggi. Menurut Hajijah, teknologi tinggi (dalam konteks cerita ini ialah mesin peramal nasib) telah menjadikan manusia tamak dan sanggup menipu demi mengaut keuntungan termasuk rasuah. Hajijah (2006, 62) juga berpendapat bahawa pemergian Jali ke Jepun untuk melanjutkan pengajian dan seterusnya menyiapkan *prototype* mesin peramal nasib telah melupakan Jali kepada tuntutan agama dan adatnya. Justeru, meskipun Hajijah berpendapat pemergian Jali ke Jepun sesuai dengan Dasar Pandang ke Timur (yang menjadi dasar nasional sekitar tahun 1980-an), cerita Jali ditafsirkan sebagai mempermainkan bangsanya melalui ramalan yang tidak benar, dengan tujuan untuk mengaut keuntungan material. Tafsiran Hajijah ini berbeza pula dengan Mawar yang menganggap kehadiran watak Jali adalah untuk menyampaikan mesej tersirat mengenai kuasa baru Asia (Jepun) dalam menguasai suasana politik dan ekonomi dunia. Watak Jali, iaitu simbol bagi kuasa baru Asia, dikatakan bukan sahaja menguasai suasana politik dan ekonomi negara jajahannya (Tanah Melayu), tetapi turut “menjejaskan” (istilah Mawar) kuasa besar seperti Amerika Syarikat, yang disimbolkan oleh watak Paman Amri. Selain itu, di tangan Mawar (2010, 152) juga, watak Jali ditafsirkan sebagai watak Melayu yang diangkat dalam arus pembangunan Asia dan sejagat melalui teknologi mesin peramal nasib ciptaannya.

Penting untuk ditekankan bahawa kepelbagaian makna yang lahir daripada tafsiran yang berbeza-beza terhadap *Di Negeri Belalang* (Hajijah 2006, 100;

Mawar 2010, 156; S. Othman 1991, 87), adalah bertitik tolak daripada niat Anwar Ridhwan sendiri yang sememangnya ingin memberikan autoriti sepenuhnya kepada pembaca untuk mentafsirkan makna termasuk falsafah dalam *Di Negeri Belalang*.

Berdasarkan analisis di atas, dapat dikatakan bahawa artikel ini berhasil dalam merealisasikan kedua-dua objektif kajian. Artikel ini telah menghubungkan kait dan merumuskan idea-idea utama dalam model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” yang diajukan oleh Jukka Mikkonen dengan tiga buah karya sastera Melayu.

Merujuk kepada cara “Pernyataan Sastera” yang dicirikan dengan falsafah yang hadir secara eksplisit, antara aspek utamanya ialah aspek Kepadatan Makna dan alat-alat sasteranya yang membolehkan falsafah disampaikan secara eksplisit, iaitu Wacana Eksplisit dan Ulasan. Penyampaian falsafah melalui karya fiksyen menurut cara Pernyataan Sastera ini dijelaskan melalui contoh sebuah novel Melayu berjudul *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. Analisis mendapati Mohd. Affandi sebagai pengarang menampilkan falsafah Taklif secara eksplisit dalam *Pujangga Melayu*, iaitu satu falsafah yang diyakini sebagai kebenaran oleh Mohd. Affandi sendiri dalam dunia realiti, dan dalam masa yang sama turut diceritakan sebagai falsafah yang diyakini oleh watak Awang dalam dunia fiktif. Penyampaian falsafah Taklif ini dilakukan secara eksplisit dengan menggunakan dua alat sastera yang dikenal pasti oleh Mikkonen iaitu Wacana Eksplisit dan Ulasan. Analisis ke atas hubungan kait cara Pernyataan Sastera dengan *Pujangga Melayu* dengan jelas memperlihatkan novel ini sebagai sebuah karya fiksyen yang berupaya menyampaikan falsafah secara eksplisit.

Merujuk kepada cara Pegangan Sastera yang dicirikan oleh falsafah yang hadir secara Implisit pula, antara aspek utamanya ialah Niat Kepengarangan dan Konvensi Sastera Boleh-Tafsir. Penyampaian falsafah melalui karya fiksyen menurut cara Pegangan Sastera ini dijelaskan melalui contoh sebuah novel Melayu berjudul *Salina* karya A. Samad Said. Analisis berhasil mengenal pasti “keadaan boleh memaksa manusia menjadi jahat” merupakan falsafah yang disampaikan dalam novel *Salina*. Falsafah ini dikenal pasti menerusi Niat Kepengarangan A. Samad Said sendiri dalam buku proses kreatifnya berjudul *Dari Salina ke Langit Petang* (1979), yang menyatakan dengan jelas “niatnya” untuk menukil sebuah kisah cinta seorang wanita yang terpaksa melacurkan dirinya akibat perang. Falsafah ini turut dikenal pasti menerusi Konvensi Sastera Boleh-Tafsir yang antaranya merangkumi riwayat hidup dan ideologi pengarang. Menerusi tulisan Rahimah A. Hamid (1997), A. Samad Said memang pernah melalui zaman perang dan hidup di kawasan *red-district* yang mempertemukannya dengan “kakak-kakak” yang terpaksa melacurkan diri. Oleh

itu, “niat” A. Samad Said untuk menyampaikan falsafah “keadaan boleh memaksa manusia menjadi jahat” antaranya boleh difahami menerusi riwayat hidup beliau yang terangkum dalam Konvensi Sastera Boleh-Tafsir. Tidak kurang pentingnya ialah perakuan A. Samad Said (1992) sendiri yang menjadikan Realisme sebagai ideologi kepengarangannya, dan justeru, membolehkannya menyampaikan cerita tentang wanita yang terpaksa melacurkan diri akibat perang. Analisis ke atas hubungan kait cara Pegangan Sastera dengan *Salina* dengan jelas memperlihatkan novel ini sebagai sebuah karya fiksyen yang berupaya menyampaikan falsafah secara implisit.

Merujuk kepada Hipotesis Sastera, cara ini dicirikan oleh penyampaian “Falsafah Tidak Jelas”. Oleh itu, antara aspek penting bagi cara Hipotesis Sastera ialah pembebasan makna falsafah oleh pengarang dan kepelbagaian tafsiran oleh pembaca. Penyampaian falsafah melalui karya fiksyen menurut cara Hipotesis Sastera ini dijelaskan melalui contoh sebuah novelet Melayu berjudul *Di Negeri Belalang* karya Anwar Ridhwan. Pada bahagian *blurb* novelet ini (*Di Negeri Belalang* 1989), Anwar Ridhwan dengan jelas memberikan autoriti kepada pembaca untuk mentafsirkan falsafah yang cuba disampaikan menerusi *Di Negeri Belalang*. Justeru, autoriti yang diberikan ini mengundang kepada kepelbagaian tafsiran daripada pembaca/pengkaji yang meneliti *Di Negeri Belalang* dari pelbagai teori dan pendekatan. Antaranya, tafsiran para pembaca/pengkaji ini tertumpu kepada keanehan watak-watak yang ditampilkan dalam *Di Negeri Belalang*. Watak Saya dan watak Manto ditafsirkan sebagai penampilan watak yang melangkau imaginasi dan mengalami masalah kejiwaan (S. Othman 1991; Nur Fatihah 2014). Selain itu, cerita dari watak Mata-Mata, Wanita Hiroshima dan Jali yang hadir menerusi teknik “fiktif dalam fiktif” juga menerima tafsiran yang pelbagai seperti membawakan isu nasionalisme (Mawar 2010), politik (S. Othman 1991; Hajijah 2004; Mawar 2010) dan kuasa asing (Hajijah 2004; Mawar 2010). Analisis ke atas hubungan kait cara Hipotesis Sastera dengan *Di Negeri Belalang* telah memperlihatkan novelet ini sebagai sebuah karya fiksyen yang menyampaikan falsafah tidak jelas.

RUMUSAN

Berdasarkan analisis di atas, dapat dikatakan bahawa ketiga-tiga cara untuk falsafah disampaikan melalui fiksyen yang dikemukakan oleh model “Moderate Propositional Theory of Literary Truth” telah dihubungkan dengan novel-novel Melayu. Dengan analisis ke atas novel-novel Melayu seperti di atas, adalah jelas bahawa Pernyataan Sastera, Pegangan Sastera dan Hipotesis Sastera merupakan tiga cara berbeza falsafah disampaikan melalui fiksyen. Justeru,

Pujangga Melayu, Salina dan *Di Negeri Belalang* masing-masing dapat dianggap sebagai karya fiksi falsafah dengan ciri, aspek dan justifikasi berbeza.

NOTA

1. Mikkonen merupakan graduan dari School of Humanities and Social Sciences di University of Tampere, Finland. Beliau telah menghasilkan penyelidikan doktorat berjudul "Philosophy through Literature: The Cognitive Value of Philosophical Fiction" (2011) yang kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah buku dengan judul "The Cognitive Value of Philosophical Fiction" (2013). Beliau kini berkhidmat sebagai Felo Penyelidik Kanan di University of Tampere, Finland, dengan pengkhususan kepada bidang falsafah sastera dan estetika. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, Mikkonen telah menghasilkan sejumlah tulisan akademik yang terbit sebagai artikel jurnal dan bab dalam buku berkenaan hubungan sastera (fiksi) dengan falsafah (University of Tampere, <https://www.tuni.fi/en/jukka-mikkonen>).

RUJUKAN

- A. Samad Said. 1961. *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 1979. *Dari Salina ke Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 1992. *Antara bulan dan wira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 2012. *Salina*. Subang Jaya: Wira Bukit Sdn. Bhd.
- Ahmad Kamal Abdullah. 1993. *Jambak 2: Proses Kreatif Pengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 1989. *Di Negeri Belalang*. Shah Alam: Marwilis Publisher and Distributors Sdn. Bhd.
- Cambridge International Dictionary of English. 2001. New York: Cambridge University Press.
- Collins Dictionary and Thesaurus. 2000. London: HarperCollins Publisher.
- Cools, A. and Verheyen, L. 2019. The cognitive value of literary fiction: An introduction. *Aesthetic Investigations*, 3(1), 1-8.
- de Assis Rodrigues, F. 2019. Ficção científica e realidade da coleta de dados em redes sociais online: análise de um episódio do seriado Black Mirror (Scientific Fiction and Reality of Data Collection in Online Social Networks: Analysis of an Episode of the Black Mirror Series). Dlm. *Technologias e sociedade: discussões contemporâneas*, eds. João Antonio de Moraes, Fernando de Assis Rodrigues and Nathália Cristina Alves Pantaleão, 67-84. São Paulo: Filo Czar.

- Farina, M. 2019. The question of literary realism: Adorno and the form of the novel. *Aesthetic Investigations*, 3(1), 65-82.
- Farina, M. 2020. *Adorno's aesthetics as a literary theory of art*. Gewerbestrasse: Palgrave Macmillan.
- Gibson, J. 2015. Narrative and the literary imagination. Dlm. *Narrative, philosophy and life*, ed. A. Speight, 135-150. Dordrecht: Springer.
- Gibson, J. 2018. On (not) making oneself known. *Shakespeare's Hamlet, philosophical perspectives*, ed. Tzachi Zamir, 17-45. Oxford: Oxford University Press.
- Gradinaru, C. 2015. Philosophy, literature and the faith of the ironist. *Meta: Research in Hermeneutics, Phenomenology and Practical Philosophy*, 7(2), 321-335.
- Hajjah Jais. 2004. *Novel-novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Holman, E. 2016. Literature, language and the human: A theoretical enquiry, with special reference to the work of F. R. Leavis. Tesis Ph.D, University of Oxford.
- Karhulahti, V.-M. 2015. Defining the videogame. *The International Journal of Computer Game Research*, 15(2).
- Kirstein, R. 2017. Violence in an erotic landscape: Catullus, Caesar and the borders of empire and existence (carm. 11). Dlm. *Cultural perceptions of violence in the hellenistic world*, eds. Michael Champion and Lara O'Sullivan, 191-207. Oxon: Routledge.
- Konstantinovna, N. A. 2014. Жанр философского романа в творчестве Торнтон Уайлдера (The genre of the philosophical novel in the work of Thornton Wilder). *Scientific methodical electronic journal*, 20, S.1506-1510.
- Koppe, T. and Langkau, J. 2017. Fiction, self-knowledge and knowledge of the self. *Diegesis*, 6(1), 46-57.
- Maioli, R. 2015. The empirical ambitions of the eighteenth-century novel. Tesis Ph.D, Johns Hopkins University.
- Mawar Shafei. 2010. *Intertekstualiti dalam novel Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mikkonen, J. 2013. *The cognitive value of philosophical fiction*. London: Bloomsbury.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. 2014. *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. Antara “wacana” dan “cerita” dalam novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 16(2): 187-201.
- Niemala, A. 2019. Työnohjaus monikulttuuriosaamisen edistämiseksi (Promoting cross-cultural competence by professional supervision). Dissertation of University of Tampere.
- Nur Fatihah Fadila Abu Bakar. 2014. Intelektualisme dalam lima novel Anwar Ridhwan. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Morris, P. 2003. *Realism*. London: Routledge.
- Plumer, G. 2017. The transcendental argument of the novel. *Journal of the American Philosophical Association*, 3(2), 148-167.

- Puolakka, K. 2019. Structure disclosed: Replete moments and aesthetic experience in reading novels. *International Journal of Philosophical Studies*, 27(4), 544-561.
- Rahimah A. Hamid. 1997. Melihat penampilan diri A. Samad Said menerusi beberapa buah karyanya, *Dewan Sastera*, Julai, 25-30.
- S. Othman Kelantan. 1991. *Di Negeri Belalang: Antara imaginasi dan pemikiran*. *Dewan Sastera*, Julai, 84-87.
- Simpson, J. A. and Weiner, E. S. C. 1991. *The Oxford English Dictionary. Volume I A-Bazouki*. New York: Oxford University Press.
- Vowel, C. M. 2020. Where no Michif has gone before: The form and function of Metis Futurisms. Tesis Master, University of Alberta.
- Zhilevich, O. F. 2014. Жилевич О.Ф. Философский роман в творчестве Айрис Мердок и Мишеля Турнье (Philosophical novel in the works of Iris Murdoch and Michel Tournier). Dlm. Актуальные вопросы германской филологии и лингводидактики : материалы XXII Международной научно-практической конференции (Topical issues of Germanic philology and linguodidactics: materials of the XXII International scientific-practical conference), 94-96. Perancis: Brest.